

PERANAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA DI BIDANG
MEDIA CETAK

OLEH

AHMAD FAUZI BIN NEE

TESIS INI DI KEMUKAKAN KEPADA KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA.

1. DI PERIKSA OLEH :TARIKH
2. DI PERIKSA OLEH :TARIKH
3. DI PERIKSA OLEH :TARIKH
- DI LULUSKAN OLEH:TARIKH

DEKAN KAJIAN
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim !

Terlebih dahulu saya mengucapkan rasa syukur kehadiran Ilahi kerana dipanjangkan usia dan seterusnya dapat menyempurnakan tesis ini sehingga selesai.

Di kesempatan yang cuma sedetik ini, saya ingin mengambil peluang untuk melahirkan sekalung penghargaan dan merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak tertentu yang telah banyak membantu saya sepanjang menyempurnakan tesis ini.

.....Segulung penghargaan buat

* Puan Zurina Hassan

Ketua Pengarah , Bahagian Penerbitan,
Jabatan Penerangan Malaysia,
Jalan Duta, Kuala Lumpur

Encik Ahmad Hassan

Ketua Pengarah , Bah. Pengeluaran Visual,
Jabatan Penerangan Malaysia,
Jalan Duta, Kuala Lumpur

* Yang Mulia Raja Zahabuddin Raja Yaakob

Pensyarah KSSR, (penasihat)

Institut Teknologi Mara,

Shah Alam, Selangor

SINOPSIS

Di bahagian pengenalan telah diterangkan latarbelakang Jabatan Penerangan. Ini termasuklah dari segi penubuhannya, fungsi asas di samping itu juga, kemudahan perkhidmatan yang disediakan di jabatan ini. Umumnya, Jabatan Penerangan adalah merupakan jentera kerajaan yang berperanan mewujudkan satu pertukaran penerangan dua hala antara kerajaan dan rakyat.

Salah satu cara dalam menyampaikan sesuatu dasar dan rancangan kerajaan ini ialah dengan melalui penggunaan media cetak. Ianya lebih berkesan daripada media massa yang lain kerana faktor-faktornya yang tersendiri. Di samping itu juga berbagai peningkatan dapat dilihat pada hari ini umpamanya dalam membentuk ke arah perpaduan, pendidikan dan lain-lain kepada orang ramai.

Namun terdapat sesetengah pihak yang berasa tidak berpuas hati dengan hasil cetakan yang telah diterbitkan oleh Jabatan Penerangan. Seiring dengan itu, satu kajian telah dijalankan ke atas masyarakat untuk mengetahui sejauh manakah keberkesanannya dalam menjalankan tugas.

Selain daripada itu, terdapatnya masalah yang dihadapi oleh jabatan ini dalam menghasilkan sesuatu cetakan. Ini adalah kerana Jabatan Penerangan terletak di bawah Kementerian Penerangan dan segala corak dan hasil sesuatu cetakan itu terikat dengan syarat-syaratnya yang telah ditetapkan.

Untuk mengatasinya, beberapa saranan dan cadangan telah diutarakan. Dengan demikian diharapkan pihak Jabatan Penerangan dapat membuat pembaharuan dan meningkatkan lagi dalam menghasilkan cetakan yang lebih berkualiti di masa hadapan.

BAB 1 :PENGENALAN	
1.1 Objektif Kajian	1
1.2 Skop Kajian	1
1.3 Hipotesis	2
1.4 Latarbelakang Jabatan Penerangan	3
1.5 Fungsi asas Jabatan Penerangan	4
1.6 Kemudahan perkhidmatan yang disediakan	5
BAB 2 :PERANAN JABATAN PENERANGAN DI BIDANG MEDIA CETAK.	
2.1 Definasi ringkas media cetak	7
2.2 Faktor-faktor media cetak lebih popular	8
2.3 Sejarah media cetak di Jabatan Penerangan	9
2.4 Penggunaan bahasa pada media cetak	9
2.5 Proses penghasilan media cetak di Jabatan Penerangan	11
2.6 Kepentingan Jabatan Percetakan Negara	13
BAB 3 :KEPENTINGAN MEDIA CETAK JABATAN PENERANGAN	
3.1 Kepentingannya kepada masyarakat	15
3.2 Kepentingannya kepada pembangunan negara	18
BAB 4 :KEBERKESANAN MEDIA CETAK JABATAN PENERANGAN	
4.1 Kesannya kepada umum	22
4.2 Kesannya kepada pihak kerajaan	30
BAB 5 :MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI	
5.1 Masalah dalam menghasilkan media cetak	31
5.2 Antara penerimaan dan penolakan media cetak	34
5.3 Masalah untuk mendapatkan sumber maklumat	35

I.0 PENGENALAN

I.1 OBJEKTIF KAJIAN

Masyarakat pembaca khususnya dapat mengenali, meneliti, mengetahui prihatin dan peka dengan perkara dan persoalan baru yang belum mereka fahami tentang fungsi Jabatan Penerangan sebenar-benarnya. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk memberi satu penjelasan, penerangan dan kefahaman berhubung dengan peranan, kepentingan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan ini sendiri. Di samping itu juga, beberapa contoh bahan-bahan media cetak seperti risalah, poster, buku-buku dan lain-lain turut dilampirkan bersama bagi tatapan dan makluman pembaca.

Hasil daripada kajian yang merangkumi teori dan soal selidik serta pengumpulan data ini, diharapkan dapat memberi satu jawapan dan kepuasan serta menambahkan gedung ilmu pengetahuan para pembaca bagi mengenali Jabatan Penerangan yang secara langsung sentiasa membantu kerajaan dalam meningkatkan sektor pembangunan negara dan masyarakat.

I.2 SKOP KAJIAN

Skop kajian dalam penulisan tesis ini adalah mengupas peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan, sejarah awal penubuhannya fungsi-fungsi dan juga sejarah media cetak serta masalah-masalah yang dihadapi. Selain daripada itu, maklumat yang diperolehi hasil dari wawancara, tinjauan dan juga soal selidik turut dimuatkan dalam tesis ini.